

PELUANG KERJAJAYA



Kami sedang mencari individu untuk menyertai perkhidmatan awam yang mempunyai ciri-ciri keperibadian berikut:

- Keterampilan yang baik;
- Semangat yang tinggi dalam bekerja secara berkumpulan;
- Bakat kepimpinan;
- Ciri-ciri jati diri yang cemerlang; dan
- Kelayakan profesionalisme yang sesuai dengan jawatan.



PENOLONG JURUTERA GRED JA29 (ELEKTRIK)

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

Kekosongan : 1

Simpanan : 3

1. Syarat Lantikan :

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) memiliki:
 - (i) sijil dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
 - (ii) diploma dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

2. Syarat Kelayakan Bahasa Melayu:

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

3. Syarat Peningkatan Secara Lantikan:

Pegawai yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penguasa Bekalan Air, Pembantu Kemahiran, Pemeriksa Kereta Motor Gred AB19, AB22 dan AB26, Penjaga Jentera Elektrik dan Merinyu Tali Air adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Jurutera Gred JA29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c); atau
- (ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
- (b) had umur pelantikan:
 - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

4. Keperluan Bidang (Ditetapkan oleh Jabatan):

- (i) Kejuruteraan Elektrik;
- (ii) Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (Mikroelektronik);
- (iii) Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (Peralatan);
- (iv) Kejuruteraan Elektrik & Elektronik Telekomunikasi;
- (v) Kejuruteraan Elektrik (Elektrik & Teknologi Komputer);
- (vi) Kejuruteraan Elektrik (Elektronik Industri);
- (vii) Kejuruteraan Elektrik (Elektronik Kuasa dan Kawalan);
- (viii) Kejuruteraan Elektrik (Elektronik);
- (ix) Kejuruteraan Elektrik (Instrumentasi);
- (x) Kejuruteraan Elektrik (Jangkawas Perusahaan dan Kawalan);
- (xi) Kejuruteraan Elektrik (Kawalan dan Instrumentasi);
- (xii) Kejuruteraan Elektrik (Kuasa dan Persenjataan);
- (xiii) Kejuruteraan Elektrik (Mekatronik);
- (xiv) Kejuruteraan Elektrik (Mikroelektronik);
- (xv) Kejuruteraan Elektrik (Peralatan);
- (xvi) Kejuruteraan Elektrik (Tenaga Hijau);
- (xvii) Kejuruteraan Elektrik - Elektronik Perubatan;
- (xviii) Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik;
- (xix) Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (Kawal, Robotik & P'auto);
- (xx) Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (Komunikasi);
- (xxi) Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (Kuasa);
- (xxii) Kejuruteraan Elektrik dan Telekomunikasi;
- (xxiii) Kejuruteraan Elektrik Komputer;
- (xxiv) Kejuruteraan Elektrik Kuasa;
- (xxv) Kejuruteraan Elektrik Perhubungan;
- (xxvi) Kejuruteraan Elektrik Serta Pendidikan;
- (xxvii) Kejuruteraan Elektrik(Petroleum);
- (xxviii) Kejuruteraan Elektrik, Elektronik dan Kawalan; atau
- (xxix) Kejuruteraan Elektrik, Elektronik dan Sistem.

5. Keperluan Tambahan:

- (a) Kriteria anak negeri Pulau Pinang bagi calon atau ibu/bapa; atau
- (b) Alamat tetap tinggal calon di Pulau Pinang; dan
- (c) Hanya calon yang telah memperoleh kelayakan/ kelulusan sijil/ diploma yang telah diiktiraf oleh senat universiti/ jawatankuasa berkaitan pada atau sebelum tarikh tutup iklan permohonan jawatan ini layak memohon selaras dengan syarat skim perkhidmatan.

6. Maklumat Syarat Lantikan:

Maklumat syarat lantikan/ gaji/ tugas-tugas jawatan di pautan berikut :
<https://www.spa.gov.my/spa/laman-utama/gaji-syarat-lantikan-deskripsi-tugas/diploma-stp-stpm-stam-hsc/penolong-jurutera-gred-ja29>

Calon yang berminat dan memenuhi syarat ditetapkan boleh mengemukakan/ mengemas kini permohonan secara dalam talian melalui Portal Rasmi Sistem Pendaftaran Pekerjaan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA9): <https://spa9.spa.gov.my>. Tarikh tutup permohonan bagi jawatan ini adalah pada **26 Januari 2021 (Selasa), jam 11.59 malam.**

MOHONLAH SECARA ONLINE DI



<https://spa9.spa.gov.my/>



SPAMalaysia.gov



SPAMalaysia.gov



spa.malaysia



SPAJPM